

## Kepentingan Perkhidmatan Pelancongan Mesra Muslim di Malaysia

[The Importance of Muslim-Friendly Tourism Services in Malaysia]

Muhamad Zuhaili Saiman<sup>\*1</sup> 

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

\* Corresponding author: [mdzuhaili@uitm.edu.my](mailto:mdzuhaili@uitm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/ uij.vol36no02.512>

### Abstrak

Jumlah pelancong muslim semakin meningkat pada masa kini ekoran bilangan populasi penduduk Islam semakin berkembang pesat di seluruh dunia. Ini menunjukkan peningkatan pelancong muslim untuk melawat negara lain termasuklah negara bukan Islam. Masalah berlaku apabila wujud kebimbangan oleh pelancong muslim untuk melawat negara bukan Islam yang tidak menyediakan perkhidmatan pelancongan mesra muslim. Objektif kajian ini menganalisis kepentingan perkhidmatan pelancongan mesra muslim di Malaysia. Kepentingan perkhidmatan pelancongan mesra muslim merangkumi penyediaan makanan dan minuman halal, kemudahan perkhidmatan yang betul, penginapan, hospitaliti dan kemudahan yang sejahtera dengan pematuhan syariah serta mencapai maqasid al-shariah. Metodologi kajian ini yang digunakan menerusi pendekatan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif ini dipilih kerana bersesuaian dengan pengumpulan dan perolehan dapatan-dapatan kajian menerusi kajian kepustakaan menerusi analisis kandungan dan dokumen daripada artikel penerbitan, kertas kerja dan jurnal penyelidik lepas. Seterusnya, dapatan-dapatan yang diperolehi akan digabungkan bagi menganalisis semua data seterusnya memberikan perbincangan sebagai kesimpulan bagi isu kajian mengenai penyediaan perkhidmatan pelancongan mesra muslim secara global. Hasil kajian menunjukkan walaupun keperluan perkhidmatan pelancongan mesra muslim adalah untuk keselesaan pelancong muslim namun ia turut boleh dinikmati dan memberikan manfaat kepada pelancong non muslim.

**Kata kunci:** Pelancongan, pematuhan syariah, mesra muslim, non muslim

### Abstract

The number of Muslim tourists is increasing nowadays due to the rapidly growing Muslim population around the world. This shows the increase of Muslim tourists to visit other countries including non-Muslim countries. The problem arises when the concern by Muslim tourists wish to visit non-Muslim countries that do not provide Muslim-friendly tourism services. The objective of this study is to analyze the importance of Muslim-friendly tourism services in Malaysia. The importance of Muslim-friendly tourism services includes the provision of halal food and beverages, proper accessibility, accommodation, hospitality, and facilities that are in line with shariah compliance and achieve the maqasid al-shariah. The methodology of this study used a qualitative

Manuscript Received Date: 21/01/24

Manuscript Acceptance Date: 27/06/24

Manuscript Published Date: 30/07/24

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my)



research design approach. This qualitative research was chosen because it is compatible with the collection and acquisition of research findings through literature review, content and document analysis from published articles, working papers and past research journals. Next, the findings will be combined to analyze all the data and then provide a discussion as a conclusion for the research issue on the provision of Muslim-friendly tourism services globally. The results of the study show that although the need for Muslim-friendly tourism services is for the comfort of Muslim tourists, it can also be enjoyed and provide benefits to non-Muslim tourists.

**Keywords:** Tourism, Shariah compliance, Muslim-friendly, non-Muslim


## **1.0 Pendahuluan**

Populasi umat Islam yang semakin meningkat pada masa kini membawa kepada permintaan yang tinggi untuk keperluan pelancongan menyediakan perkhidmatan yang mematuhi peraturan Islam dan memenuhi kriteria mesra muslim. Penduduk Islam berkembang pada kadar yang paling cepat di seluruh dunia (Khan et al., 2022). Kebanyakan negara Islam yang menyediakan perkhidmatan pelancongan mesra muslim semakin berkembang sesuai dengan peningkatan jumlah populasi muslim di seluruh dunia termasuklah Malaysia (Irshad, Sahari & Husna, 2022). Kefahaman terhadap konsep perkhidmatan pelancongan mesra muslim yang perlu disediakan adalah bukan sahaja dari aspek penyediaan makanan dan minuman yang halal tetapi juga dari segi aspek penginapan, kemudahan dan sebagainya juga berkaitan dengan tingkah laku bagi memudahkan pelancong muslim dapat mengamalkan agamanya dengan lebih selesa. Salah satu kepentingannya ialah mempunyai standard mesra Muslim bagi industri yang melibatkan sektor pelancongan termasuklah perkhidmatan hospitaliti di Malaysia yang akan dapat meningkatkan keyakinan masyarakat umum bahawa semua amalan dan aktiviti adalah memenuhi kehendak prinsip syariah. Begitu juga dengan setiap produk, instrumen, operasi, amalan, pengurusan dan sebagainya (Hisyam, Latifah, Khairil, M. Yazis, Junaidah & Nazratul, 2022)

Salah satu bentuk hiburan terpenting dari segi perspektif Islam ialah pelancongan mesra muslim. Ia adalah pelancongan yang menyediakan hiburan yang sesuai untuk mengisi dan memanfaatkan masa lapang dengan mengikut hukum-hakam Islam yang disebut sebagai pematuhan syariah. Dalam perspektif perundangan Islam, sebarang kemudahan seperti hotel, restoran, taman hiburan, pengangkutan, alam sekitar dan sebagainya mestilah selaras dengan ajaran dan ketetapan Islam yang betul. Motivasi dan proses pemilihan destinasi pengembara Muslim juga harus diterokai. Menurut Saffinee (2022), kriteria bagi pelancongan mesra muslim adalah penting untuk membezakan antara asas masyarakat untuk menyokong dasar dan pengurusan pelancongan mengikut undang-undang Islam. Secara tidak langsung, penyediaan perkhidmatan pelancongan mesra muslim juga memberikan keselesaan kepada pelancong non muslim kerana ia membantu mereka untuk mendapatkan keindahan Islam yang menjamin keselamatan dan keselesaan. Disebabkan itu, menurut Zaini, Adib & Izhar (2020) bahawa pelancongan mesra muslim selain dari pematuhan syariah, perlulah memastikan aspek-aspek sedia ada memenuhi maqasid al-shariah berdasarkan prinsip yang lima iaitu penjagaan agama (*al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-'aql*), keturunan (*al-nasab*) dan harta (*al-mal*).

Menurut Irshad & et.al (2022), untuk melaksanakan pelancongan mesra muslim, terdapat perkara atau perkara asas yang perlu disertakan seperti pengangkutan, premis makanan, kewangan, pakej pelancongan dan hotel dan perkara ini hendaklah dikendalikan dan dipenuhinya berdasarkan kriteria pematuhan syariah. Negara-negara yang menyediakan perkhidmatan pelancongan mesra muslim menjadi tarikan dan pilihan utama khususnya kalangan pelancong muslim kerana mereka merasa lebih selesa dan selamat dari sudut pengamalan ibadah sepanjang pelancongan. Adalah penting untuk memenuhi keperluan yang berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan pemudah cara kepada pelaksanaan agama Islam dalam industri pelancongan, terutamanya yang berkaitan dengan perhotelan, tarikan, pengangkutan dan pilihan tempat makan (Losurdo, 2022). Ia menunjukkan hasil perkhidmatan pelancongan mesra muslim sejak kebelakangan ini semakin meningkat berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan yang bukan sahaja selaras dengan hukum-hakam Islam tetapi juga mencapai aspek maqasid al-shariah.

Berdasarkan laporan OIC dan SESRIC (2017) yang dibuat, terdapat lima komponen utama apabila melibatkan sektor pelancongan yang mesra muslim atau patuh syariah yang perlu diberi keutamaan kerana asasnya ia melibatkan sensitiviti pelancong muslim dan aktiviti harian keagamaan mereka apabila keluar melancong. Laporan itu adalah berdasarkan pengadaptasian daripada Akyol dan Kilinc (2014). Komponen-komponen utama tersebut adalah sama seperti pelancongan konvensional, namun yang membezakan adalah komponen-komponen ini perlu halal dan patuh syariah.



Rajah 1 Lima Komponen Utama Pelancongan Islam Yang Perlu Diberi Keutamaan. – Laporan OIC dan SESRIC (2017)

## 2.0 Permasalahan Kajian

Dalam perbincangan mengenai perkhidmatan pelancongan mesra muslim, yang menjadi dilema ialah penggunaan istilah yang paling sesuai untuk digunakan sama ada istilah pelancongan Islam atau pelancongan halal. Dari perspektif Islam, halal seperti yang ditakrifkan di atas merujuk kepada sebarang amalan atau aktiviti dalam pelancongan yang 'dibolehkan' mengikut ajaran Islam (Syariah). Oleh itu, penggunaan istilah 'patuh syariah' atau 'halal' memberi makna yang sama. Istilah 'Islam' hanya digunakan untuk perkara yang berkaitan secara langsung dengan akidah dan kepercayaannya (seperti undang-undang Islam, nilai-nilai Islam, prinsip dan kepercayaan, ibadah Islam). (Battour, 2018)

Kebanyakan takrifan ini ditakrifkan secara umum dan digunakan secara bergantian. Dengan kata lain, pelancongan halal dan pelancongan Islam dianggap sebagai konsep yang serupa. Menurut Jafari dan Scott (2014) menjelaskan definisi pelancongan Islam sebagai "Galakan pelancong yang mungkin memenuhi keperluan undang-undang Syariah". Definisi tersebut memfokuskan kepada hukum Islam dan keperluannya untuk memenuhi keperluan pelancong tetapi mengabaikan agama pelancong (Muslim) dan dimensi lain. Namun menurut Battour (2018) definisi yang dikemukakan oleh Jafari dan Scott tersebut lebih sesuai bagi istilah 'pelancongan halal' berbanding 'pelancongan Islam'.

Sehubungan itu, terlalu banyak nama dan konotasi bagi menunjukkan konsep pelancongan dalam Islam secara berlainan. Walaupun begitu terma yang digunakan masih belum mencapai definisi yang bersifat universal kerana perbezaan kefahaman terhadap justifikasi bagi pelancongan dalam Islam itu sendiri (Anon, 2015). Antara nama yang menjadi kebiasaan terma adalah Pelancongan Halal (Halal Tourism), Pelancongan Syariah (Shariah Tourism) dan Pelancongan Mesra Muslim (Muslim-friendly Tourism) (OIC & SESRIC, 2017)

Disebabkan itu, terma yang jelas amat penting bagi kefahaman mengenai pelancongan mesra muslim tersebut agar ia tidak menjadi polemik ia hanya untuk muslim sahaja tanpa non-muslim apatah lagi melibatkan negara bukan Islam untuk menyediakan perkhidmatan mesra muslim kepada pelancongan muslim yang datang ke tempat mereka. Ini kerana menurut Battour, Mady, Salaheldeen & et. al (2022), amalan pelancongan mesra muslim atau pelancongan halal boleh dilihat sebagai mengehadkan pengembangan tahap kualiti dalam industri pelancongan kerana perlu memastikan segala aktiviti dan penyediaan yang halal sahaja tanpa ada yang haram. Secara langsung, penyediaan perkhidmatan pelancongan mesra muslim mempunyai sekatan ke atas perkara-perkara yang bertentangan dengan syariah menjadikan wujud salah faham bahawa ia hanya sesuai dan disediakan kepada pelancong muslim sahaja tanpa pelancong non-muslim.

Sedangkan apa sahaja yang berkaitan dengan muslim dari sudut pematuhan syariah dan perkhidmatan pelancongan mesra muslim juga sebenarnya bersesuaian dengan non muslim kerana frasa bagi pematuhan

syariah bagi sesuatu operasi dan penyediaan apa sahaja adalah berasaskan maqasid al-shariah yang bertujuan membawa maslahat dan menolak kemudaratkan secara umum tanpa mengira perbezaan agama. Zaini & et. al (2020), selain dari perspektif penjagaan agama, antara aspek yang kadang kala diabaikan ialah melibatkan penjagaan nyawa sedangkan dari hierarki penjagaan nyawa adalah turutan kedua dalam prinsip yang lima ditekankan dari perspektif maqasid al-shariah. Maka penjagaan nyawa adalah bersesuaian dengan semua manusia walaupun berlainan agama. Sepatutnya apabila sesuatu penyediaan perkhidmatan termasuk konteks pematuhan syariah dan bersifat mesra muslim, ia turut disenangi oleh non muslim sekali kerana soal penjagaan nyawa, akal, keturunan dan harta juga adalah penting kepada mereka. Apa yang membezakan ialah pengasingan dari sudut sesuatu yang halal dimestikan ke atas pelancong muslim serta keselesaan kemudahan untuk pelancong muslim pada mengamalkan aktiviti keagamaan dan ibadah pelancong muslim sahaja tanpa dipaksa ke atas pelancong non muslim.

Menurut Junaidi (2020), beberapa kajian berkaitan cabaran dan strategi berkaitan industri pelancongan mesra muslim yang dijalankan adalah penting untuk mengakui cabaran dalam mempromosikan perkhidmatan pelancongan mesra Muslim serta nilai-nilai dalam penerapannya iaitu :

1. Mengkaji sejauh mana orang memahami konsep mesra muslim.
2. Mengiktiraf kesedaran tentang perkhidmatan mesra muslim.
3. Untuk mengenal pasti cabaran dalam mempromosikan perkhidmatan mesra muslim.

Umat Islam yakin bahawa al-Quran menawarkan hala tuju dalam semua aspek aktiviti manusia termasuk sektor pelancongan (Battour & Ismail, 2015). Trend perkembangan pelancong muslim semakin meningkat dan pelancong muslim sangat sensitif untuk memilih produk dan menggunakan perkhidmatan yang halal (patuh syariah). Selain itu, kesedaran di kalangan muslim meningkat untuk memilih sesuatu produk dan perkhidmatan halal / Islam bagi keperluan mereka daripada pilihan biasa yang ditawarkan sekarang. Oleh itu, beberapa destinasi bukan Islam seperti Jepun, Filipina dan Brazil menawarkan penyelesaian atau pilihan mesra muslim kepada senario yang dilihat bermasalah oleh pelancong muslim (Ahmad Marzuk, Abur & M. Imran, 2020).

### **3.0 Metodologi**

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui apakah cabaran dalam mempromosi perkhidmatan pelancongan mesra Muslim, kandungannya, betapa pentingnya, bagaimana ia dilaksanakan, dan sebagainya berdasarkan sorotan kajian lepas. Selain itu, menganalisis kefahaman orang ramai tentang konsep perkhidmatan pelancongan mesra muslim berdasarkan dapatan kajian lepas bagi mengkaji faktor permintaan terhadap pelancongan mesra Muslim sebagai keutamaan bagi kalangan pelancong muslim khususnya. Tambahan pula, kerana banyak faedah perkhidmatan pelancongan mesra Muslim yang boleh dikaitkan dengan perkhidmatan pelancongan dengan pelancongan halal kerana ia membawa kekuatan fizikal dan rohani kepada kita kerana ia untuk memelihara kehidupan umat Islam dan agama Islam, kerana ia dianggap sebagai patuh kepada Peraturan Islam sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT dan bebas daripada sebarang aktiviti yang dilarang kerana menyalahi syariat Islam dan tidak memenuhi bagi objektif maqasid al-shariah. Seterusnya, kajian ini menganalisis kesedaran terhadap perkhidmatan pelancongan mesra muslim bagi memastikan bahawa perkhidmatan pelancongan mesra Muslim adalah salah satu pilihan bagi pelancong Muslim yang perlu mematuhi terma dan syarat perspektif pelancongan Islam, seperti yang ditunjukkan dalam tinjauan literatur di bawah.

Kajian ini meneruskan dan memperluaskan lagi kajian-kajian lapangan terdahulu mengenai isu yang berkaitan perkhidmatan pelancongan mesra muslim. Kajian ini akan melihat penemuan mengenai kepentingan perkhidmatan pelancongan mesra Muslim di negara bukan Islam juga. Mengenal pasti prosedur dan pelaksanaan perkhidmatan pelancongan mesra Muslim terpakai. Walaupun data sekunder yang berkaitan dengan pengetahuan perkhidmatan mesra Muslim dan peraturannya dalam perspektif Islam digunakan untuk mengumpul maklumat lanjut, domain perkhidmatan pelancongan juga dimasukkan kerana ia berada dalam keadaan yang sama.

Bagi mencapai objektif kajian ini, reka bentuk bagi metodologi kajian ini ialah menerusi pendekatan penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif ini digunakan bagi kesesuaian dapatan-dapatan kajian menerusi kajian kepustakaan dengan menganalisis kandungan dan dokumen daripada artikel penerbitan, kertas kerja dan jurnal penyelidik. Seterusnya, dapatan-dapatan yang diperolehi akan digabungkan bagi menganalisis semua data berdasarkan sorotan kajian lepas seterusnya memberikan perbincangan sebagai kesimpulan bagi tajuk yang

berkaitan dengan kepentingan penyediaan perkhidmatan pelancongan mesra muslim secara holistik.

#### **4.0 Dapatkan Dan Perbincangan**

##### **4.1 Kefahaman Orang Ramai Tentang Konsep Perkhidmatan Pelancongan Mesra Muslim**

Realitinya, terdapat banyak aduan pengguna berkaitan perkhidmatan hospitaliti halal atau dikenali sebagai perkhidmatan pelancongan mesra muslim. Ini termasuk kemudahan bercampur untuk kedua-dua jantina, menghidangkan makanan tidak halal, kebanyakannya pekerja non muslim dan sebagainya. Tambahan pula, pelancong dari negara lain yang tidak begitu mengetahui tentang halal harus bimbang kerana kekurangan sensitiviti sesetengah pemain industri seperti beberapa restoran milik orang Islam tidak mempunyai pensijilan halal tetapi hanya terdapat ayat-ayat al-Quran terpampang di dinding restoran. Segelintir umat Islam keliru dengan status pensijilan Halal di premis tersebut kerana petikan atau ayat al-Quran boleh menimbulkan salah faham dan menimbulkan kekeliruan. Ini bermakna, untuk mengelakkan salah faham pada masa hadapan tentang perkhidmatan mesra muslim, konsep itu mesti difahami oleh pelancong dan juga penyedia perkhidmatan. Justeru, adalah amat penting untuk mengkaji kefahaman dari sudut pengguna terhadap konsep mesra Muslim bagi memastikan ia mesra pengguna dan bebas daripada masalah sebegini.

Untuk memahami kemudahan mesra muslim dari perspektif umat Islam adalah penting kerana kajian perkhidmatan dan kemudahan tertentu destinasi akan memberikan pandangan atau / dan petunjuk yang boleh membantu pemasar destinasi dalam mempromosikan dan membangunkan destinasi tersebut (Haliza, 2018). Terma mesra muslim digunakan adalah untuk menggambarkan perkhidmatan, kemudahan atau tempat, bagi memastikan asas kepada semua tuntutan yang melibatkan hal keagamaan dan ibadah pelancong muslim diambil kira bagi memudahkan pelaksanaan secara selesa dan aman. Perkataan "perkhidmatan / kemudahan mesra muslim" lebih diterima, walaupun mesra halal mungkin juga membawa maksud yang sama. Sepanjang 20 tahun yang lalu, perubahan telah dibuat kepada kedua-dua tingkah laku dan ciri-ciri pelancong muslim. Mereka semakin mencari tempat dengan tahap perkhidmatan tinggi yang memenuhi keperluan unik mereka. Di samping itu, permintaan utama pelancong muslim telah diiktiraf sebagai keperluan berasaskan kepercayaan iaitu status halal bagi setiap produk yang disediakan dan pematuhan syariah pada aktiviti yang dijalankan. Sebahagian daripada keperluan ini berdasarkan pelancong muslim, adalah berbeza-beza tahap kepentingan dan keperluannya. Namun secara asas, permintaan utama pelancong muslim adalah terhad untuk mengambil hanya yang dijamin "halal", terutamanya apabila mereka melancong ke luar negara. Halal adalah istilah yang digunakan untuk membimbing semua orang Islam dan digunakan untuk menunjukkan segala yang dibenarkan atau dibenarkan oleh undang-undang syariah.

Untuk menampung populasi umat Islam yang semakin berkembang serta mempengaruhi jumlah pelancong muslim dalam negara dan ke luar negara, sektor pelancongan mesti merancang menyediakan produk yang halal dan perkhidmatan pelancongan yang mesra muslim (seperti rancangan makan Ramadan, surau di lapangan terbang dan kawasan awam). Oleh itu, adalah memadai bagi penyediaan perkhidmatan ini untuk dapat memenuhi beberapa perkara asas jika tidak semua keperluan pelancong Muslim seperti penyediaan makanan minuman yang halal dan aktiviti yang patuh syariah serta kemudahan untuk mereka beribadah seperti berwuduk, solat dan membaca al-Quran di negara-negara yang mereka pergi melancong. Dalam senario sebegitu, idea perkhidmatan hospitaliti mesra muslim perlu difikirkan untuk penyediaan yang lebih baik dan meluas semua pemain industri pelancongan, agar ia memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pelancong muslim dan non muslim yang datang melancong.

Sesebuah hotel boleh dianggap patuh syariah sekiranya ia beroperasi selaras dengan prinsip syariah dan menyediakan makanan dan minuman halal selain memastikan setiap aspek operasi hotel mematuhi piawaian tersebut (Ahmad Marzuk & et al. 2020). Apa-apa sahaja yang boleh mencederakan orang atau menyebabkan ketidakadilan, termasuk layanan yang tidak adil, harus dihapuskan Ini kerana aspek keselamatan pelancong juga amat penting dalam memastikan eleman pelancongan Islam atau mesra muslim terpakai untuk semua pelancongan yang pelbagai agama sebagaimana yang dikehendaki menerusi penjagaan nyawa dalam maqasid al-shariah (Haliza, 2019 & Zaini, et al 2020). Untuk tinggal di hotel, seseorang itu perlu membayar perkhidmatannya. Para tetamu mempunyai hak untuk mendapatkan nilai yang sama sebagai pertukaran untuk pembelian mereka, seperti yang dilakukan oleh pembeli. Sebagai contoh, menerima perkhidmatan dan kemudahan patuh syariah sebagai tetamu adalah sesuatu yang mereka dibenarkan. Hasilnya, pengurusan hotel mesti mematuhi kesucian kontrak dengan penuh integriti demi menjaga kebajikan rakyat.

Pemilik restoran mesti memberikan penekanan yang lebih kepada kualiti produk apabila pelanggan menjadi lebih mewah, yang memerlukan tumpuan kepada produk halal dalam perkhidmatan, makanan dan

minuman. Idea *Halalan Toyyiban* (dibolehkan dan baik untuk dimakan) berfungsi sebagai asas kepada restoran halal, yang menyediakan makanan dan minuman mengikut prinsip hukum Islam, juga dikenali sebagai syariah. *Halalan Toyyiban* merujuk kepada proses pengeluaran makanan dari ladang (penyembelihan haiwan) melalui penghantaran makanan, yang merangkumi penyediaan dan persembahan (contohnya, menggunakan produk bebas khinzir dan alkohol, serta kebersihan makanan), seperti yang ditetapkan oleh syariah. Jaminan bahawa makanan yang mereka ambil adalah halal adalah yang paling dicari oleh pelancong muslim. Apabila logo Halal atau pensijilan Halal kelihatan, pelancong muslim akan berasa selamat untuk menjamu selera di sana. Selalunya, apabila pelancong muslim membandingkan kualiti sesuatu perkhidmatan, mereka banyak memikirkan soal halal termasuk aspek kebersihan dan kualiti makanan. Untuk restoran yang menyajikan makanan halal, keselamatan makanan dan kebersihan adalah komponen penting dalam kecemerlangan perkhidmatan kerana Islam itu sendiri merupakan agama yang sangat menekankan dan menggalakkan kebersihan. Maka soal kebersihan dan keselamatan dan kualiti masakan juga adalah bersesuaian dengan pelancong non muslim.

#### **4.2 Kesedaran Terhadap Perkhidmatan Pelancongan Mesra Muslim**

Disebabkan kemungkinan peningkatan kalangan pelancong muslim ke luar negara, sektor pelancongan dalam Islam semakin berkembang dari dalam negara Islam semata-mata kepada perlaksanaan yang bersifat global. Ia menggambarkan bahawa kriteria perkhidmatan pelancongan mesra muslim perlu diberikan perhatian yang serius oleh negara bukan Islam bagi menarik pelancong muslim datang ke negara mereka sekaligus menjana ekonomi negara mereka dengan kerancakan kedatangan pelancong dari luar negara. Pelancongan dalam Islam menerusi kriteria pelancongan mesra musra menjadi alternatif utama kepada idea pelancongan massa, kerana menggabungkan asas kemudahan beribadah dan keseronokan dalam pengembalaan sepanjang pelancongan di sesebuah negara atau tempat. Malahan dalam Islam sendiri, umat Islam digalakkan untuk berjalan atau melancong ke serata dunia bagi pelbagai tujuan seperti pendidikan, sosial dan budaya, pemerolehan maklumat, interaksi sosial, penyebaran iman, dan keseronokan dan penghayatan ciptaan Allah. Memandangkan trend pelancongan kalangan pelancong Muslim yang semakin meningkat di seluruh dunia, beberapa negara bukan Islam sedang berusaha untuk memberikan pengalaman pelancongan yang selesa kepada umat Islam. Sebagai contoh, pelancong Muslim memilih Jepun sebagai destinasi popular dan menarik (Salleh, N.Z.M, Nor, R.M, et.al, 2019). Menyedari keperluan itu, Jepun menyusun semula sektor pelancongannya untuk memenuhi keperluan umat Islam dengan lebih baik. Jepun telah melakukan usaha yang gigih untuk memenuhi kriteria pelancongan halal.

Memenuhi kriteria pelancongan mesra muslim adalah penting, terutamanya di negara-negara yang mempunyai budaya sejarah yang kaya dan pelbagai tarikan yang unik bagi menarik pelancong muslim datang ke negara mereka. Perkhidmatan pelancongan mesra muslim sekaligus menghormati sensitiviti pelancong muslim yang peka dan cakna soal keagamaan dan status halal dalam makan minum secara asasnya di samping ia juga bersesuaian secara fitrah bagi pelancong non muslim. Pelancong muslim akan mudah datang melancong di samping berasa selesa dan aman ke tempat pelancongan tanpa perlu gusar dan gelisah memikirkan hal-hal yang berkaitan keagamaan dan isu halal. Kurangnya kefahaman dan pengetahuan dalam kalangan penyedia perkhidmatan pelancongan mesra muslim sama ada dalam negara atau luar negar merupakan masalah yang membantutkan keinginan pelancong muslim untuk mengembala atau datang melancong ke sesebuah negara.

Ab Hamid, Abdul Aziz, Abd Rahman, dan Ali (2018) menyatakan bahawa pelancong dari negara lain yang datang ke Malaysia tidak perlu bimbang kerana kawalan dari sudut status halal bagi penyediaan makanan dan minuman memerlukan kepada pensijilan Halal yang dikuatkuasan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Malah, restoran yang tidak memiliki sijil Halal JAKIM akan turut diragui oleh masyarakat muslim tempatan sekalipun restoran ditampal dengan ayat-ayat al-Quran di dinding restoran. Ini menunjukkan tahap kawalan dan kepekaan mengenai status halal sesebuah restoran sangat dikawal menerusi sijil Halal serta kepekaan yang sudah menjadi kebiasaan kalangan masyarakat tempatan sendiri. Sekaligus membantu pelancong muslim untuk mencari makanan dan minuman halal lebih mudah. Dalam penyediaan pelancongan mesra muslim di Malaysia walaupun terdapat banyak cabaran namun banyak usaha telah dipertingkatkan bagi memastikan kriteria perkhidmatan pelancongan mesra muslim peluang tercapai seperti perkhidmatan dan kemudahan mesra muslim, makanan halal, perkhidmatan hospitaliti, kemudahan surau dan tandas mesra air.

Semua perkhidmatan dan kemudahan berkaitan pelancong yang mematuhi undang-undang syariah telah ditakrifkan sebagai pelancongan mesra muslim, dengan tumpuan kepada penginapan, makan dan acara berkaitan perjalanan. Skop pelancongan mesra muslim termasuk meluaskan pasaran global untuk barang dan perkhidmatan berkaitan pelancongan mesra muslim, trend pemasaran untuk barang dan perkhidmatan ini, serta dasar kerajaan yang menggalakkan pelancongan mesra muslim (Ab Hamid & et. al, 2018). Memandangkan produk halal terkenal dengan kecemerlangannya dan perniagaan halal telah memupuk

## **Kepentingan Perkhidmatan Pelancongan Mesra Muslim di Malaysia**

persekitaran yang menggalakkan rasa hormat antara satu sama lain dan komunikasi terbuka, produk dan perkhidmatan halal menjadi semakin popular di kalangan orang dari semua agama dan ideologi. Sambil mengekalkan tahap pengalaman yang ditawarkan kawasan itu kepada tetamu lain, barang dan perkhidmatan mesra muslim (seperti surau di lapangan terbang dan ruang awam dan penyediaan makanan minuman yang tiada alkohol) harus dimasukkan dalam reka bentuk destinasi pelancongan dalam Islam. Aktiviti paling penting yang harus mematuhi piawaian syariah ialah penginapan hotel. Kebanyakan masa, kemudahan hotel seperti gim, spa dan kolam renang dibuat untuk digunakan oleh pelawat lelaki dan wanita, jadi ia mesti dipisahkan. Ini penting untuk mengelakkan sebarang salah faham atau masalah yang mungkin timbul kemudian. Di Malaysia, Bahagian Hab Halal di bawah JAKIM dan Pusat Pelancongan Islam (ITC) telah bekerjasama membangunkan program bagi pembekal barang dan perkhidmatan industri pelancongan mesra muslim mengenai pensijilan dan penyeragaman Halal.

